



KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR

Jabatan Perkhidmatan Veterinar

Department Of Veterinary Services

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan

Wisma Tani, Blok Podium Lot 4G1 & 4G2

No. 28 Persiaran Perdana, Presint 4

62630 PUTRAJAYA

MALAYSIA

Tel: 603-8870 2000

Faks (Fax): 603-8888 6472

Laman Web (Web): www.dvs.gov.my

E-mel: pro@dvs.gov.my

Ruj Kami : JPV/UIG/100-1/7

Tarikh : 28 Februari 2024

Semua Pegawai dan Kakitangan

Jabatan Perkhidmatan Veterinar

Melalui

Pengarah Bahagian

Pengarah Negeri

Pengarah Makmal

Pengarah Institut

Pengurus Pusat/Unit

Tuan/Puan,

**ARAHAN BERHUBUNG PERINGATAN BERKENAAN LARANGAN MEMBUAT
PERNYATAAN AWAM OLEH PEGAWAI AWAM**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam telah mengeluarkan Surat Edaran JPA/KPPA/001 JLD.3(6) bertarikh 8 Ogos 2022 iaitu mengarahkan semua pegawai awam untuk memberi perhatian yang serius ke atas Peringatan Berkaitan Larangan Membuat Pernyataan Awam Oleh Pegawai Awam. Peringatan berhubung Peraturan Berkaitan Pernyataan Awam Oleh Pegawai Awam ini adalah berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM) Ceraian UP7.2.10 berhubung Peraturan Berkaitan Pernyataan Awam Oleh Pegawai Awam dan selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 (P.U.A) 395/1993. Bersama-sama ini disertakan **Surat Edaran**



JPA/KPPA/001 JLD.3(6) bertarikh 8 Ogos 2022 dan Ceraian UP7.2.10
Berhubung Peraturan Berkaitan Pernyataan Awam Oleh Pegawai Awam untuk perhatian Tuan/Puan.

3. Oleh itu, berdasarkan arahan dan peraturan yang jelas maksudnya, semua pegawai dan kakitangan Jabatan Perkhidmatan Veterinar adalah diingatkan untuk sentiasa memastikan arahan dan peringatan berhubung perkara ini sentiasa dipatuhi. Jika seseorang pegawai awam telah melanggar mana-mana peraturan, pegawai tersebut boleh dikenakan tindakan tatatertib kerana perbuatan tersebut boleh ditafsirkan sebagai ingkar perintah dan menjejaskan nama perkhidmatan awam.

4. Sehubungan itu, Tuan/Puan adalah diminta untuk memberikan perhatian yang serius dalam perkara ini dan sentiasa menjaga nama baik dan imej Jabatan ini.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“VETERINAR KOMPETEN MASYARAKAT SEJAHTERA”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(Dr. Akma Binti Ngah Hamid)

Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar

Jabatan Perkhidmatan Veterinar



KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM
DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Public Service Department, Malaysia
Aras 13, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-80008000
Faks (Fax): 603-88892187
Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Rujukan kami: JPA/KPPA/001 JLD. 3(6)

Tarikh : 8 Ogos 2022

SEPERTI SENARAI EDARAN


YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Sri/ Dato'/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan,

PERINGATAN BERKAITAN ARAHAN LARANGAN MEMBUAT PERNYATAAN AWAM OLEH PEGAWAI AWAM

Dengan hormatnya saya menarik perhatian YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Sri/ Dato'/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan mengenai perkara di atas.

2. Kerajaan melalui Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah mengeluarkan Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM) Ceraian UP.7.2.10 berhubung **Peraturan Berkaitan Pernyataan Awam Oleh Pegawai Awam**. Pekeliling ini adalah selaras dengan Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A) 395/1993] sedia ada yang masih berkuatkuasa. Manakala surat edaran ini dikeluarkan bertujuan untuk menegaskan dan meningkatkan kefahaman serta menghapuskan kekeliruan dalam kalangan pegawai awam dan pihak-pihak lain yang berkepentingan.

3. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) merupakan salah satu jawatan khas seperti yang diperuntukkan di bawah Fasal 3 Perkara 144 Perlembagaan Persekutuan. Fungsi dan tugas utama KPPA adalah untuk menjalankan tanggungjawab berkaitan penggubalan dasar



berkaitan kelayakan pelantikan dan syarat-syarat perkhidmatan awam bagi anggota perkhidmatan awam yang ditakrifkan di bawah Fasal (1) Perkara 132 Perlembagaan Persekutuan melalui undang-undang persekutuan dan peraturan-peraturan yang dibuat oleh Yang Di-Pertuan Agong (YDPA).

4. Oleh itu, KPPA sebagai Pegawai Tertinggi di JPA bukan sahaja bertanggungjawab ke atas Jabatan ini, tetapi termasuk juga ke atas Perkhidmatan Awam sebagaimana yang termaktub di bawah Perlembagaan Persekutuan, undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkuatkuasa. Justeru, KPPA sudah semestinya bertanggungjawab untuk memberikan pandangan atau teguran bagi meningkatkan kualiti dan pematuhan peraturan dalam sistem penyampaian perkhidmatan sektor awam di negara ini.

5. Semua pegawai awam adalah diingatkan bahawa jawatan dan kedudukan yang sedang disandang merupakan amanah yang perlu dilaksanakan untuk kepentingan negara. Maka, seorang pegawai awam hendaklah melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan penuh jujur, cekap dan amanah sebagai satu usaha berterusan untuk memartabatkan kualiti penyampaian perkhidmatan awam.

6. Setiap pegawai awam hendaklah sentiasa bersikap positif apabila menerima pandangan, cadangan atau teguran daripada mana-mana pihak berkepentingan, termasuklah pegawai atasan dalam usaha untuk memperbaiki dan mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan awam. Seorang pegawai awam juga hendaklah menunjukkan sikap yang responsif terhadap maklum balas dan aduan daripada pelanggan perkhidmatan awam.

7. Oleh itu, seseorang pegawai awam yang ditegur sama ada oleh orang awam atau penyelia atau rakan sejawat atau pegawai atasan yang berpunca dari penyampaian perkhidmatan yang kurang memuaskan tidak sepatutnya bertindakbalas dengan melakukan provokasi kepada pihak yang membuat teguran. Provokasi yang melampau bagi meraih perhatian umum atau dijadikan bahan *viral* boleh disifatkan sebagai tidak bertanggungjawab dan bertentangan dengan budaya kerja pegawai awam serta bertentangan dengan peraturan dan undang-undang yang berkuatkuasa.

MENCEMARKAN NAMA PERKHIDMATAN AWAM ADALAH KESALAHAN DI BAWAH PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM (KELAKUAN DAN TATATERTIB) 1993 [P.U.(A) 395/1993].

8. Peraturan 3D Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A) 395/1993] memperuntukkan tanggungjawab kepada KPPA untuk memantau pelaksanaan tindakan tatatertib ke atas pegawai awam yang melanggar peraturan oleh Ketua Jabatan.

9. Selain itu, Peraturan 3C (1) Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A) 395/1993] juga meletakkan tanggungjawab ke atas seorang Ketua Jabatan untuk menjalankan kawalan dan pengawasan pegawai di bawah seliaannya serta mengambil tindakan yang sesuai dengan seberapa segera yang mungkin bagi apa-apa pelanggaran peruntukan di bawah Peraturan tersebut. Mana-mana Ketua Jabatan yang didapati gagal menjalankan pengawasan ke atas pegawai bawahannya, hendaklah disifatkan cuai dalam melaksanakan tugasnya dan tidak bertanggungjawab, dan dia boleh dikenakan tindakan tatatertib seperti yang diperuntukkan di bawah peraturan 3C(2).

10. Semua pegawai awam perlu berkelakuan baik, dan perlu menghindari daripada membuat sebarang pernyataan awam yang boleh memberikan implikasi kepada nama baik perkhidmatan awam dan Kerajaan. Seorang pegawai awam juga tidak boleh bertindak atau terlibat menyebarkan berita palsu, membuat tohmahan atau fitnah yang melibatkan pegawai awam yang lain sehingga membelakangkan tugas awam demi mencapai kepentingan atau agenda peribadi. Perkara-perkara ini jelas diperuntukkan di bawah Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A) 395/1993].

11. Pegawai awam juga dilarang daripada menyalahguna hak kebebasan untuk bersuara dan menyalahguna kecanggihan teknologi untuk mencapai agenda peribadi sehingga melanggar peraturan-peraturan dan undang-undang yang berkuatkuasa, yang selama ini menjadi paksi dalam perkhidmatan awam negara. JPA tidak boleh dan tidak akan berdiam diri dengan membiarkan mana-mana pegawai awam difitnah dan diperlakukan secara tidak adil oleh mana-mana pihak lain yang bertujuan mencapai agenda peribadi yang tidak baik.

KEWAJIPAN MENJAGA KEDAULATAN NEGARA

12. Dengan merujuk kepada Dasar Keselamatan Negara 2021-2025 yang menggariskan sembilan (9) Nilai Teras Keselamatan Negara termasuk Kedaulatan dan Keutuhan Wilayah (Teras 1); Tadbir Urus yang Baik (Teras 4) dan Keselamatan Rakyat (Teras 8), makanya, menjaga keselamatan dan kedaulatan negara adalah tanggungjawab kita bersama, semua pegawai awam dan rakyat Malaysia secara keseluruhannya.

13. Kedaulatan dan keutuhan wilayah merupakan teras kepada kestabilan dan keselamatan sesebuah negara. Nilai Teras 8 berkenaan Keselamatan Rakyat adalah merujuk kepada aktiviti agensi penguatkuasaan undang-undang yang mana jika tidak ditadbir urus dengan baik mengikut peraturan dan undang-undang akan menyebabkan kesan *domino* atau berantai yang negatif kepada keselamatan ekonomi (Economic Security), ketenteraman dan keselamatan awam (Public Order and Public Security) serta keselamatan masyarakat dan sosial (Societal Security).

14. Justeru itu, teguran yang merujuk kepada ketidakpatuhan prosedur yang boleh menjejaskan kedaulatan negara dan integriti Kerajaan hendaklah dibuat oleh semua pihak yang bertanggungjawab terutamanya oleh Ketua Jabatan tanpa sebarang alasan. Dalam hal berkaitan keselamatan dan kedaulatan negara, ketidakpatuhan dan kecuaiannya mana-mana pegawai awam berkenaan perkara tersebut hendaklah diambil tindakan dengan serta-merta tanpa sebarang kompromi atau elemen pilih kasih terutamanya apabila melibatkan keselamatan di pintu utama keluar masuk negara.

USAHA DEMI MENJAGA KUALITI PERKHIDMATAN AWAM NEGARA

15. JPA sentiasa bergerak aktif dalam membuat semakan prosedur dan dasar perkhidmatan pegawai awam serta menambahbaik aspek kebajikan dengan memberi fokus untuk meningkatkan mutu kualiti perkhidmatan kepada Keluarga Malaysia. Sebagai contoh, JPA sedang berusaha meningkatkan pematuhan prosedur pentadbiran dalam pertimbangan kenaikan pangkat pegawai awam bagi memastikan peluang kenaikan pangkat pegawai awam lebih teratur dan terjamin.

16. Selain itu, gred skim perkhidmatan melibatkan jawatan-jawatan yang mempunyai cabaran dan risiko tinggi juga sedang disemak. Prosedur Operasi Piawai (S.O.P) akan sentiasa ditambahbaik dari masa ke masa bagi mengatasi masalah ketirisan hasil dan secara langsung menambah sumber pendapatan negara.

HAK UNTUK MEMBUAT TEGURAN KEPADA PEGAWAI AWAM

17. Jabatan ini ingin menegaskan agar semua Ketua Jabatan lebih bertanggungjawab untuk sentiasa memantau penyampaian perkhidmatan oleh pegawai-pegawai di bawah seliaannya dan mereka hendaklah memberikan teguran sekiranya terdapat elemen kecuaiian yang berlaku bagi memastikan pematuhan prosedur adalah pada tahap yang ditetapkan.

18. Keluarga Malaysia sebagai pengguna atau pelanggan bagi perkhidmatan awam juga berhak dan boleh membuat teguran sekiranya tidak berpuas hati dengan kualiti penyampaian perkhidmatan awam di negara ini. Sebarang aduan boleh dibuat menggunakan saluran rasmi yang disediakan oleh Biro Pengaduan Awam bagi membolehkan Kerajaan mengambil tindakan untuk memperbaiki kelemahan dan meningkatkan mutu serta kualiti perkhidmatan dari masa ke masa.

19. Mengambil kira peraturan yang berkuatkuasa dan peringatan demi peringatan yang pernah dikeluarkan sebelum ini, dan sekiranya terdapat cukup bukti yang menunjukkan seseorang pegawai telah melanggar mana-mana peraturan, tindakan tatatertib sehingga kepada buang kerja boleh diambil ke atas pegawai awam berkenaan kerana perbuatan tersebut ditafsirkan sebagai ingkar perintah dan menjejaskan imej

perkhidmatan awam. Pegawai boleh dikenakan tindakan tatatertib sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subperaturan 19(1) Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A) 395/1993].


20. Sehubungan itu, pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Sri/ Dato'/ Datin/ Dr./ Tuan/ Puan adalah diminta untuk memberi perhatian serius dalam perkara ini.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' SRI MOHD SHAFIQ BIN ABDULLAH)

Tarikh: 8 Ogos 2022

SENARAI EDARAN

PEJABAT KETUA SETIAUSAHA NEGARA

Ketua Setiausaha Negara
Jabatan Perdana Menteri
Aras 4 Timur, Bangunan Perdana Putra
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA

KEMENTERIAN KEWANGAN

Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan
Aras 10, Blok Tengah
Kompleks Kementerian Kewangan
No. 5, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 PUTRAJAYA

KEMENTERIAN ALAM SEKITAR DAN AIR

Ketua Setiausaha
Kementerian Alam Sekitar dan Air
Aras 10, Blok F11
Kompleks Parcel F
Lebuhraya Perdana Timur, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62000 PUTRAJAYA

KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA

Ketua Setiausaha
Kementerian Komunikasi dan Multimedia
Aras 35, Lot 4G9, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 PUTRAJAYA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

Ketua Setiausaha
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
Tingkat 28, Menara MITI
No.7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah
50480 KUALA LUMPUR

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

Ketua Setiausaha
Kementerian Pengangkutan
Aras 9, No.26 Jalan Tun Hussein, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 PUTRAJAYA

KEMENTERIAN PERTAHANAN

Ketua Setiausaha
Kementerian Pertahanan
Tingkat 5, Wisma Pertahanan
Jalan Padang Tembak
50634 KUALA LUMPUR

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi
Blok E4/5, Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62668 PUTRAJAYA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

Ketua Setiausaha
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
Aras 6, Blok C5, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62662 PUTRAJAYA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA

Ketua Setiausaha
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna
Aras 11 (Menara)
No. 13, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62623 PUTRAJAYA

KEMENTERIAN PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI

Ketua Setiausaha
Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi
Aras 10, No. 15, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62654 PUTRAJAYA

KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

Ketua Setiausaha
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 17, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62200 PUTRAJAYA

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan
Aras 8, Blok E8, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62204 PUTRAJAYA

KEMENTERIAN KESIHATAN

Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan
Aras 12, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Ketua Setiausaha
Kementerian Dalam Negeri
Aras 12, Blok D1, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62546 PUTRAJAYA

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

Ketua Setiausaha
Kementerian Perpaduan Negara
Aras 10, Blok F9, Kompleks F
Lebuhraya Perdana Timur, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62000 PUTRAJAYA

KEMENTERIAN LUAR NEGERI

Ketua Setiausaha
Kementerian Luar Negeri
Aras 3, Wisma Putra
No. 1, Jalan Wisma Putra, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62602 PUTRAJAYA

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
Aras 36, No. 55, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 PUTRAJAYA

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Luar Bandar
Aras 30, No. 47, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 PUTRAJAYA

KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Ketua Setiausaha
Kementerian Wilayah Persekutuan
Aras 7, Blok 2
Menara Seri Wilayah, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 PUTRAJAYA

KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Aras 18, No. 51
Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 PUTRAJAYA

KEMENTERIAN KERJA RAYA

Ketua Setiausaha
Kementerian Kerja Raya
Tingkat 5, Blok A
Kompleks Kerja Raya
Jalan Sultan Salahuddin
50580 KUALA LUMPUR

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN

Ketua Setiausaha
Kementerian Belia dan Sukan
Aras 15, Menara KBS
No. 27, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62570 PUTRAJAYA

KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

Ketua Setiausaha
Kementerian Tenaga dan Sumber Asli
Aras 17, Wisma Sumber Asli
No. 25, Persiaran Perdana
Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62574 PUTRAJAYA

KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

Ketua Setiausaha
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya
Aras 17, No. 2, Menara 1
Jalan P5/6, Presint 5
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62200 PUTRAJAYA

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN

Ketua Setiausaha
Kementerian Pertanian dan Industri Makanan
Aras 15, Menara 4G1, Wisma Tani
No. 28, Persiaran Perdana, Presint
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62624 PUTRAJAYA



PERATURAN BERKAITAN PERNYATAAN AWAM OLEH PEGAWAI AWAM

TUJUAN

1. Ceraian ini bertujuan untuk menggariskan dasar dan peraturan berkaitan dengan pernyataan awam oleh pegawai-pegawai awam.

LATAR BELAKANG

2. Subperaturan 19(4), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A) 395/1993] menyatakan bahawa “pernyataan awam termasuklah apa-apa pernyataan atau ulasan yang dibuat kepada pihak akhbar atau orang ramai atau semasa memberikan apa-apa syarahan atau ucapan awam dalam apa-apa penyiaran atau penerbitan, tanpa mengambil kira caranya”.

3. Selaras dengan perkembangan teknologi, telah wujud pelbagai saluran komunikasi termasuklah melalui penggunaan medium interaksi dalam talian seperti *Facebook*, *Twitter*, *Youtube*, *Blog*, *Whatsapp* dan sebagainya. Media-media baharu ini telah menjadi sebahagian daripada cara sesuatu pernyataan awam itu dibuat termasuk dalam kalangan pegawai-pegawai awam.

4. Justeru, sebarang pernyataan yang dibuat oleh seseorang pegawai awam pada sebarang masa, tidak mengambil kira caranya sama ada melalui kaedah konvensional ataupun media-media baharu ini boleh ditafsirkan sebagai suatu “pernyataan awam” dan adalah tertakluk kepada larangan di bawah subperaturan 19(1), P.U.(A) 395/1993 yang menyatakan seperti berikut:

“19. Pernyataan Awam

- (1) Seseorang pegawai awam tidak boleh, secara lisan atau bertulis atau dengan apa-apa cara lain –
 - (a) membuat apa-apa pernyataan awam yang boleh memudaratkan apa-apa dasar, rancangan dan keputusan Kerajaan tentang apa-apa isu;



UP.7.2.10

- (b) membuat apa-apa pernyataan awam yang boleh memalukan atau memburukkan nama Kerajaan;
- (c) membuat apa-apa ulasan tentang kelemahan apa-apa dasar, rancangan atau keputusan Kerajaan; atau
- (d) mengedarkan apa-apa pernyataan atau ulasan, sama ada yang dibuat olehnya atau mana-mana orang lain.”

5. Selain itu, di bawah perenggan 21(1)(a), P.U.(A) 395/1993 pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional adalah dilarang untuk membuat apa-apa pernyataan awam, sama ada secara lisan atau bertulis, yang memberikan sesuatu pandangan yang berat sebelah atas apa-apa yang menjadi isu antara parti-parti politik.

PELAKSANAAN

Kebenaran Untuk Membuat Pernyataan Awam

6. Selaras dengan peruntukan di bawah subperaturan 19(2), P.U.(A) 395/1993, seseorang pegawai awam hendaklah terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Menteri, untuk membuat pernyataan awam sama ada secara lisan atau bertulis atau dengan apa-apa cara lain yang merangkumi tindakan berikut:

- (i) membuat ulasan tentang kelebihan apa-apa dasar, rancangan atau keputusan Kerajaan;
- (ii) memberikan maklumat berdasarkan fakta berhubung dengan perjalanan fungsi Kerajaan;
- (iii) memberikan penjelasan berkenaan dengan apa-apa peristiwa atau laporan yang melibatkan Kerajaan; atau
- (iv) menyebarkan semua perkara tersebut di atas, sama ada yang dibuat olehnya atau mana-mana yang lain.

7. Walau bagaimanapun, pegawai boleh memberi atau menyebarkan ulasan, maklumat atau penjelasan sekiranya kandungan ulasan, maklumat atau penjelasan itu telah mendapat kebenaran secara bertulis terlebih dahulu daripada Menteri.



Tindakan Tatatertib Ke Atas Pegawai Yang Membuat Pernyataan Awam Tanpa Kebenaran

8. Sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subperaturan 19(1), P.U.(A) 395/1993, pelanggaran mana-mana fasal dalam peraturan berkenaan boleh menyebabkan pegawai dikenakan tindakan tatatertib sehingga kepada buang kerja di bawah Peraturan 38, P.U.(A) 395/1993.

PEMBATALAN

9. Dengan berkuat kuasanya Ceraian ini, Pekeliing Perkhidmatan dan Surat Edaran di bawah adalah **dibatalkan**:

- (i) Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 1995: Pembatalan Pekeliling Mengenai Pengurusan Tatatertib;
- (ii) Surat Edaran JPA(S)TT.71/140 (46) bertarikh 14 Mei 2010: Larangan Pegawai Awam Membuat Pernyataan Awam;
- (iii) Surat Edaran JPA.BK(S)223/8/2-3 Jld.4(56) bertarikh 7 Jun 2013: Tanggungjawab Pegawai Awam Dalam Memelihara Integriti Perkhidmatan Awam Semasa Menggunakan Media Sosial Di Internet;
- (iv) Surat Edaran JPA.BK(S)343/7-4(14) bertarikh 15 Julai 2016: Larangan Membuat Pernyataan Awam Oleh Pegawai Awam;
- (v) Surat Edaran JPA.BK(S)343/20(9) bertarikh 11 September 2019: Larangan Membuat Pernyataan Awam Oleh Pegawai Awam; dan
- (vi) Surat Edaran JPA.BK(S)343/20(15) bertarikh 6 November 2019: Peringatan Terhadap Larangan Membuat Pernyataan Awam Oleh Pegawai Awam.

PEMAKAIAN

10. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Ceraian ini dipanjangkan kepada Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA